



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

**KEKANGAN MERAKYATKAN SENI LUKIS DALAM  
KALANGAN BELIA**

Ku Norashikin Binti Ku Hamid

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan seni)  
2014

**KEKANGAN MERAKYATKAN SENI LUKIS DALAM KALANGAN BELIA**

CU NORASHIKIN BT CU HAMID  
30676

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the .....**30**.....day of.....**MAY**.....2014.

**Student's Declaration:**

I ..... **KU NORASHIKIN BINTI KU HAMID, 30676, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS**  
(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare  
that the work entitled **KEKANGAN MERAKYATKAN SENI LUKIS DALAM KALANGAN BELIA**  
----- is my original work. I have not copied from any other students' work or  
from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly  
in the text, nor has any part been written for me by another person.

30 MAY 2014

Date submitted

Ku Norashikin Ku Hamid (30676)

Name of the student (Matric No.)

**Supervisor's Declaration:**

I ..... **Professor Dato` Dr. Hashim B. Awang**.....(SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that  
the work entitled ..... **KEKANGAN MERAKYATKAN SENI LUKIS DALAM KALANGAN BELIA**  
----- (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the  
"FACULTY" as a \* partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of ..... **BACHELOR OF APPLIED ARTS**  
**WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)**.....(PLEASE INDICATE THE DEGREE), and  
the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **Profesor Dato` . Dr. Hashim Awang** Date: **30 MAY 2014**

(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

**CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*

**RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where  
research was done)\*

**OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_

(30 MAY 2014)

Supervisor signature \_\_\_\_\_

(30 MAY 2014)

Current Address:

Kedai Runcit Haji Muhammad, Kampung Ketil, Pengkalan Kubor, 16080 Tumpat,  
Kelantan Darul Naim.

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services.

## PENGAKUAN

Projek bertajuk “**Kekangan Merakyatkan Seni Lukis Dalam Kalangan Belia**” telah disediakan oleh **Ku Norashikin Binti Ku Hamid** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

.....

(Profesor Dato’Dr. Hashim Bin Awang)

Tarikh:.....

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kehadiran Illahi kerana akhirnya Penyelidikan Tahun Akhir ini dapat disiapkan dengan jayanya. Saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana mempermudah segala urusan saya untuk menghasilkan kajian ini.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Professor Dato. Dr. Hashim Bin Awang kerana telah banyak membimbing saya sewaktu menjalankan kajian ini. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar daripada beliau mustahil kajian ini dapat disiapkan. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah lain yang mengajar saya di sepanjang pengajian saya di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Saya ucapkan terima kasih kepada ibu bapa saya yang tidak pernah berhenti mendoakan saya dan sering memberikan nasihat serta sokongan kepada saya dari segi kewangan dan juga moral. Tanpa nasihat dan doa daripada mereka mungkin saya menghadapi kesulitan untuk menyiapkan kajian ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada kawan-kawan seperjuangan yang tidak pernah lelah membantu saya dan memberikan saya sokongan untuk terus berusaha bagi menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada responden-responden yang sudi memberikan maklum balas kepada saya semasa kajian ini sedang dijalankan. Tanpa bantuan kalian semua, saya tidak akan berada di tahap ini sekarang.

## **ABSTRAK**

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang membincangkan tentang kekangan merakyatkan seni lukis dalam kalangan belia. Kajian ini mengupas faktor-faktor kenapa seni lukis semakin dipinggirkan. Kaedah soal selidik dijalankan untuk mendapatkan data bagi menjawab persoalan kenapa seni lukis dipinggirkan. Maklumat kajian ini amat penting untuk menilai tahap penerimaan golongan belia terhadap seni lukis.

## **ABSTRACT**

This research is a study that deals with the problem of planning to popularize art among youth. This research explores the factors why art increasingly marginalized. Questionnaire method conducted to obtain data to answer the question of why the art marginalized. This research is very important information for assessing the acceptability of the youth in paintings.



## KANDUNGAN

BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN.....	i
PENGAKUAN.....	ii
PENGHARGAAN.....	iii
ABSTRAK.....	iv
KANDUNGAN.....	v
SENARAI PETA.....	ix
SENARAI RAJAH.....	ix

### BAB I: PENGENALAN

Pengenalan.....	1
Latar Belakang.....	1
Lokasi Kajian.....	3
Permasalahan Kajian.....	5
Persoalan Kajian.....	6
Objektif Kajian.....	7

Kerangka Konsep.....	8
<i>Konsep Merakatkan</i> .....	8
<i>Seni Lukis</i> .....	8
Kepentingan Kajian.....	11
Rumusan.....	12

## BAB DUA : KUPASAN KEPUSTAKAAN

Pengenalan.....	13
Seni Lukis.....	13
Pelukis dan karya seni.....	15
Seni Lukis dan budaya.....	16
Rumusan.....	17

## BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan.....	18
Reka Bentuk Kajian .....	18
Rumusan.....	22

## BAB EMPAT: ANALISA DATA

Pengenalan.....	23
Kaedah Analisis Data .....	24
Penemuan.....	25
<i>Tahap penerimaan golongan belia terhadap seni lukis.....</i>	<i>25</i>
<i>usaha-usaha yang telah dijalankan untuk merakyatkan seni lukis.....</i>	<i>34</i>
<i>faktor-faktor kekangan merakyatkan seni lukis.....</i>	<i>37</i>
Rumusan.....	48

## BAB LIMA: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

Pengenalan.....	49
Perbincangan.....	49
Cadangan.....	51
<i>Cadangan kepada pengkaji akan datang.....</i>	<i>52</i>
Kesimpulan.....	52

RUJUKAN.....54

LAMPIRAN.....56

## SENARAI PETA

Peta 1 : Negeri Sarawak.....	3
Peta 2 : Universiti Malaysia Sarawak.....	4

## SENARAI RAJAH

Rajah 1 : Menunjukkan bilangan responden yang meminati seni lukis.....	26
Rajah 2 : Menunjukkan sumber maklumat yang digunakan untuk mendapat maklumat seni lukis.....	28
Rajah 3 : Menunjukkan responden yang menghadiri pameran seni lukis.....	29
Rajah 4 : Menunjukkan lokasi pameran seni lukis dijalankan.....	31
Rajah 5 : Menunjukkan sambutan belia terhadap seni lukis.....	33
Rajah 6 : Menunjukkan peranan kerajaan dalam merakatkan seni lukis.....	34
Rajah 7 : Menunjukkan penekanan seni lukis sejak dibangku sekolah.....	38
Rajah 8 : Menunjukkan bahawa IPTS dan IPTA kurang menyediakan kursus berkaitan seni lukis.....	40
Rajah 9 : Menunjukkan bahawa kecanggihan teknologi komputer merupakan faktor seni lukis semakin dipinggirkan.....	42

Rajah 10 : Menunjukkan peratusan yang bersetuju bahawa program merakyatkan

seni lukis sudah dijalankan.....44

## **BAB I : PENGENALAN**

### **Pengenalan**

Kajian ini akan membincangkan kekangan merakyatkan seni lukis dalam kalangan kalangan belia. Persoalannya ialah terdapat beberapa kekeliruan berkaitan faktor yang menyebabkan bidang seni lukis semakin kurang diberikan perhatian dan kurang mendapat sambutan terutama dalam kalangan golongan belia. Oleh itu, dalam bab ini, terdapat beberapa aspek kajian untuk menjelaskan fokus kajian yang akan dijalankan. Antara aspek tersebut ialah latar belakang kajian, lokasi kajian, objektif kajian, permasalahan kajian, kerangka konsep dan kepentingan kajian. Pengkaji memfokuskan pelbagai aspek ini untuk memahami kajian yang akan dijalankan bagi memudahkan kajian.

### **Latar Belakang Kajian**

Kajian ini membincangkan kekangan merakyatkan seni lukis dalam kalangan belia. Kajian ini memberikan tumpuan kepada golongan belia yang merupakan generasi Y yang akan memainkan peranan besar kepada negara pada masa hadapan. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan timbul keinginan pengkaji untuk membuat penyelidikan ini. Pengkaji tertarik untuk membuat penyelidikan tentang tajuk ini kerana

pengkaji mendapati bahawa seni merangkumi banyak bidang, namun begitu bidang seni lukis kurang diberikan perhatian dan kurang mendapat sambutan daripada masyarakat terutama dalam kalangan belia.

Pada hari ini, nyanyian dan perfileman begitu mendapat perhatian dan sokongan sama ada daripada masyarakat mahupun pihak swasta dan kerajaan. Bagi mereka, pengiat seni ini begitu dekat dengan hati mereka. Ada sesetengah pihak yang menganggap bahawa artis-artis ini sebagai idola mereka dan setiap tingkah laku, gaya hidup dan imej artis-artis tersebut menjadi ikutan. Kalau dikira dari segi sumbangan, nyanyian dan perfileman kepada pendapatan negara boleh dianggap terlalul kecil tetapi mengapa bidang seni ini mendapat liputan dan perhatian yang lebih jika dibandingkan dengan seni lukis. Sebenarnya bidang ini hanyalah halwa telinga dan mata kepada masyarakat malah tiada kesan atau sumbangan positif kepada kehidupan masyarakat amnya. Pihak kerajaan dan swasta pula lebih mengutamakan bidang seni persembahan. Hal ini dapat dilihat, sekiranya ada aktiviti-aktiviti yang ingin dijalankan sebagai penyeri perayaan atau acara sudah pasti bidang seni persembahan akan ditampilkan sebagai kaedah hiburan bukannya memilih seni lukis sebagai pameran.

Oleh kerana seni lukis kurang diberikan perhatian dan kurang mendapat liputan daripada masyarakat berbanding bidang seni yang lain, timbul keinginan pengkaji untuk mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan seni lukis kurang diberikan perhatian dalam kalangan masyarakat hari ini



## Lokasi Kajian



Peta 1 : Negeri Sarawak

(Sumber: [hope.cdc.com.my](http://hope.cdc.com.my))



Peta 2 : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

(Sumber: hope.cdc.com.my)

Lokasi kajian yang di pilih ialah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jalan Dato Haji Musa. 94300 Kota Samarahan, Sarawak. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ditubuhkan pada 24 Disember 1992 dan merupakan universiti awam kelapan di Malaysia.

Pengkaji memilih Universiti Malaysia Sarawak ( UNIMAS) sebagai lokasi kajian kerana sasaran pengkaji ialah di kalangan belia. Oleh itu, pengkaji memilih UNIMAS kerana pengkaji ingin melihat pandangan dan perspektif daripada pelajar-pelajar Unimas terhadap seni lukis.

Untuk mendapatkan maklumat tersebut. Pengkaji akan menggunakan kaedah soal selidik dengan mengedar borang soal selidik tersebut diedarkan di dalam kawasan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) untuk mendekati pengkaji dengan responden-responden.

### **Permasalahan kajian**

Untuk memahami sesuatu masyarakat, kita perlu memahami bagaimana seni lukis mempengaruhi sosial, politik dan ekonomi sesuatu masyarakat. Sebagai contoh bahan-bahan dan teknik penghasilan karya seni yang digunakan dalam menghasilkan sesuatu karya seni boleh memberi kefahaman tentang faktor geografi, alam sekitar dan struktur sosial sesuatu masyarakat. Malahan di zaman moden para pengiklan, penghibur dan ahli politik menggunakan unsur seni untuk menyampaikan mesej dan memupuk sistem

kumpulan masyarakat. Justeru pada hari ini tahap penerimaan terhadap seni lukis semakin kurang menggalakkan. Kehidupan manusia pada hari ini bermula daripada seni lukis. Hal ini terbukti dengan penemuan lukisan-lukisan purba di dinding- dinding gua. Namun begitu, golongan belia pada hari ini kurang menghargai seni lukis malahan mereka semakin melupakan kepentingan seni lukis.

Seni lukis merupakan hasil daripada pengumpulan idea, emosi, perasaan dan dibantu dengan ilmu-ilmu lain maka tercipta hasil seni yang dibanggakan. Justeru seni amat penting dalam kehidupan manusia dan merupakan sebahagian dari kehidupan. Cuma menjadi persoalan apabila pendedahan seni itu tidak diperjelaskan secara langsung kepada masyarakat terutama golongan belia. Terdapat usaha-usaha yang telah dijalankan untuk menarik minat golongan belia terhadap seni lukis namun seni lukis masih tidak menonjol jika dibandingkan dengan seni yang lain

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini merupakan kajian berkaitan kekangan merakyatkan seni lukis dalam kalangan belia. Wujudnya keinginan pengkaji untuk menjalankan kajian ini kerana timbulnya beberapa persoalan berkaitan kajian ini. Antara persoalan tersebut ialah :

- I. Kenapakah seni lukis kurang diterima oleh golongan belia pada hari ini sedangkan golongan belia merupakan generasi Y yang bertanggungjawab untuk mempertahankan kesenian ini?

- II. Apakah usaha-usaha yang telah dijalankan untuk merakyatakan seni lukis dalam kalangan belia?
- III. Kenapakah seni lukis semakin dipinggirkan dari hari ke hari sedangkan usaha-usaha untuk merakyatkan seni lukis sudah dijalankan?

### **Objektif Kajian**

Setiap kajian yang dijalankan pasti mempunyai objektifnya yang tersendiri. Objektif tersebut untuk mencari jawapan kepada persoalan kajian pengkaji. Tujuan pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk mengetahui punca ynag menjadi halangan untuk merakyatkan seni lukis dalam kalangan belia. Oleh itu, pengkaji telah memilih beberapa objektif untuk kajian ini. Antara objektif kajian ini adalah :

- I. Menilai tahap penerimaan golongan belia terhadap seni lukis.
- II. Mengenalpasti usaha-usaha yang telah dijalankan untuk merakyatkan seni lukis .
- III. Menganalisa faktor-faktor yang menjadi halangan untuk merakyatkan seni lukis dalam kalangan belia pada hari ini

## **Kerangka Konsep**

### **Konsep merakyatkan**

Merakyatkan seni lukis bermaksud meletakkan seni lukis pada tempat yang sepatutnya sesuai dengan kedudukannya.

“Kesenian Melayu adalah perihal keahlian orang Melayu dalam mengekspresikan idea-idea estetika sehingga menghasilkan benda, suasana, atau karya yang dapat menimbulkan rasa indah dan kagum. Kesenian ini diciptakan sendiri oleh masyarakat Melayu dan menjadi milik Melayu secara bersama. Oleh sebab itu, kesenian Melayu merupakan representasi budaya Melayu.” Lantas, tidak hairanlah orang Melayu harus mempertahankan kesenian sendiri. Ini ternyata dari nukilan di atas yang mengatakan bahawa ‘kesenian’ adalah ‘perihal keahlian’, ‘diciptakan sendiri’, ‘milik Melayu secara bersama’ dan ‘representasi budaya Melayu’. Oleh sebab-sebab ini, perlulah masyarakat Melayu bersikap positif dan proaktif dalam memartabatkan kesenian.

### **Seni Lukis**

Perkataan lukisan dalam bahasa Inggeris ialah ‘Drawing’ yang asalnya dari dua bahasa iaitu German dan Latin. Perkataan ‘to draw’ adalah dari perkataan ‘Old English’ iaitu ‘dragan’ yang bermaksud ‘to drag’ dan aktiviti yang berhubung dengan tubuh badan. Beberapa buku menyatakan lukisan adalah aktiviti melukis yang menggunakan

bahan kering atau basah untuk mendapatkan kesan rupa dan bentuk pada sesuatu permukaan. Lukisan juga boleh dikaitkan dengan pengalaman yang istimewa kepada seseorang pelukis yang digambarkan melalui gerak minda dan hati diterjemahkan di atas permukaan untuk dijadikan sebagai bahan dokumentasi. Ini terbukti dengan sebuah lukisan bertajuk 'Unforgettable Fire' yang dilukis oleh pelukis amatir iaitu Yusuko Yagamata di Jepun pada tahun 1945 menggambarkan peristiwa pengeboman Bandar Hiroshima

Lukisan adalah satu disiplin seni yang boleh dikaitkan dengan keperluan psikologi sejarah dan artistik. Hal ini terbukti bahawa pelukis perlu mempunyai tiga nilai kerangka dalam dirinya iaitu daya visualisasi, daya emosi dan daya estetika. Sebenarnya lukisan bukanlah milik mutlak pelukis, tetapi ia adalah milik semua manusia. Pengalaman anak-anak kecil menconteng di atas kertas atau dinding merupakan fitrah manusia melukis sebagai meluahkan perasaan dalam bentuk visualisasi. Ini juga ada berkaitan dengan perjumpaan lukisan-lukisan purba di gua-gua, lukisan itu menjadi faktor penentu kepada pemujaan untuk pemburuan. Manusia zaman dahulu menggunakan lukisan sebagai asas untuk kekuatan tumpuan mereka kepada mencari nafkah. Pada dinding zaman Mesir purba, lukisan dijadikan sebagai rakaman penghidupan. Lukisan digambarkan dalam satu penceritaan komik yang bersiri untuk meninggalkan satu dokumentasi sejarah yang gemilang.

Terdapat tujuh jenis lukisan iaitu Lukisan Figuratif yang tertumpu kepada mengkaji dan melukis tubuh manusia atau binatang. Pelukis perlu memahami anatomi terlebih dahulu untuk melukis. Melukis figuratif adalah amat sukar kerana dari segi kadar

bandingan adalah perkara yang menentukan keindahan dalam karya lukisan figuratif. Lukisan Kajian pula dilukis untuk mengkaji sesuatu benda. Misalnya kajian terhadap tumbuh-tumbuhan maka pelukis perlu melukis sesuatu bahagian itu dengan teliti sebagai bahan kajian. Kebiasaannya lukisan kajian lebih tertumpu kepada objek alam seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Lukisan informasi pula adalah bertujuan untuk memberi informasi kepada pelanggan, kebiasaannya dalam bentuk ilustrasi atau peta. Lukisan ini memerlukan kemahiran yang khusus dan melukis dengan cermat dan bersih. Lukisan Teknikal merupakan cabang seni yang dikatakan berkaitan saintifik. Lukisan teknikal memerlukan kemahiran dalam matematik kerana keperluan untuk melukis dengan kadar banding yang tepat. Contoh melukis kenderaan dan alatan pengguna. Lukisan Konseptual jarang sekali kedengaran. Pelukis memerlukan imaginasi yang kuat untuk melukis sesuatu konsep yang baru. Misalnya sesebuah filem seram memerlukan lukisan satu watak seram untuk dijadikan watak dalam cerita tersebut, maka pelukis perlu melukis konsep watak tersebut dalam bentuk fantasi. Lukisan Artistik hanya tertumpu kepada keindahan dalam pengkaryaan. Pelukis melukis hanya sekadar untuk mempamerkan karyanya sebagai sesebuah karya seni. Lukisan artistik juga dibuat dalam bentuk thamnil untuk mendapatkan idea karya-karya seni yang lain seperti arca, catan, percetakan dan sebagainya. Lukisan ilustrasi merupakan cabang lukisan tergolong dalam seni grafik. Lukisan ini dijadikan bahan untuk penerbitan, kartun dan animasi. Pelukis memerlukan kemahiran tertentu untuk melukis ilustrasi terutama dalam kemahiran melukis figuratif.